



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**8 Oktober 2021
1 Rabi'ulawal 1443H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">Pantai Pulau Sayak jadi tumpuan pencari siput gayam
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">Penduduk berpesta cari siput gayam di Pantai Pulau Sayak
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Pantai Pulau Sayak jadi tumpuan pencari siput gayam

SUNGAI PETANI: Kawasan perisir pantai di Pulau Sayak, Kota Kuala Muda di sini menjadi tumpuan orang ramai mencari siput gayam atau kepah yang banyak terdampar di pantai itu ketika fenomena air surut.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati suasana di kawasan itu meriah dengan kehadiran orang ramai mencari siput untuk dijual atau dijadikan hidangan keluarga pada awal pagi dan lewat petang.

Lebih menarik terdapat perkhidmatan bot disediakan dengan kadar tambang RM2 seorang pergi dan balik ke kawasan beting pasir untuk mencari siput tanpa perlu mengharungi air.

Seorang penduduk Pulau Sayak, **Mohd. Shahril Mohd. Saad**, 32, berkata, fenomena air surut biasanya berlaku dalam tempoh selang seminggu hingga dua minggu sekali setiap bulan.

Menurutnya, masa air pasang pula tidak menentu dan kebiasaan orang ramai akan datang mencari siput ketika air surut.

Katanya, dia dan isterinya,



MOHD. SHAHRILO MOHD. SAAD (dua dari kanan) bersama tiga anak saudaranya menunjukkan siput gayam yang dicari di Pulau Sayak, Kota Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah, semalam. - UTUSAN/NUR SYAZWANA MANSOR

Nor Hafiza Mokhtar, 32, menjadikan aktiviti mencari siput sebagai mengisi masa lapang, selain turut menjadikannya sebagai sumber pendapatan

sampingan.

"Biasanya untuk peniaga seperti saya, kami akan cari siput sehingga mencapai berat lingkungan 400 hingga 500 kilo-

gram (kg) sehari dengan menggunakan alat pencakar siput.

"Namun bagi pengunjung lain, mereka biasanya akan cari dalam 10 hingga 50kg sahaja un-

tuk makan seisi keluarga.

"Siput gayam ini biasanya dijual dengan harga RM3 hingga RM5 sekilogram di pasaran," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi penduduk dari Pinang Tunggal, **Iman Sufiya Basri**, 15, berkata, dia dan ahli keluarganya telah dua kali datang mencari siput di Pulau Sayak ini.

Katanya, pengalaman pertama mencari siput beberapa minggu lalu membuatkan mereka teruja untuk datang semula.

"Kami sekeluarga seronok dapat beriadah sambil mencari siput di sini, lagi-pun kami penggemar makanan laut.

"Siput gayam sedap dimakan sekiranya dibuat 'shellout' atau masak lemak."

Seorang lagi penduduk dari Sungai Petani, Farilah Md. Zain, 31, berkata, dia baru pertama kali mencari siput di pantai ini selepas tertarik melihat seorang kenalan media sosial memuat naik gambar mereka mencari siput di sini.

"Saya ke sini sekadar mahu melihat kemeriahan orang ramai mencari siput dan berhasil datang semula selepas ini mencari siput pula," ujarnya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		

Penduduk berpesta cari siput gayam di Pantai Pulau Sayak

SUNGAI PETANI – Kawasan perisir Pantai Pulau Sayak di Kota Kuala Muda dekat sini menjadi tumpuan orang ramai untuk mencari siput gayam yang terdampar di pantai tersebut setiap kali berlaku fenomena air surut.

Orang ramai memenuhi kawasan pantai tersebut bermula pukul 3 petang untuk mencari siput sama ada untuk dijual atau dijadikan hidangan keluarga.

Lebih menarik apabila terdapat juga perkhidmatan bot yang disediakan dengan kadar tambang RM2 untuk pergi dan balik bagi memudahkan orang ramai menyeberang ke kawasan betung pasir untuk mencari siput.

Seorang penduduk, Mohd. Shahril Mohd Saad, 32, berkata, fenomena air surut biasanya berlaku dalam tempoh selang seminggu hingga dua minggu sekali setiap bulan.

Menurutnya, orang ramai akan datang mencari siput ketika air surut pada waktu awal pagi dan lewat petang sahaja kerana waktu itu cuaca tidak panas.

Mohd. Shahril yang bekerja sendiri berkata, dia menjadikan aktiviti mencari siput untuk mengisi masa lapang bersama isteri dan tiga anak saudaranya selain turut menjadikannya sebagai



MOHD. SHAHRIL (tengah) bersama anak saudaranya menunjukkan siput gayam yang dikutip di Pantai Pulau Sayak, Kota Kuala Muda semalam.

sumber pendapatan sampingan.

"Biasanya untuk peniaga seperti saya, kami akan cari siput sehingga mencapai berat antara 400 hingga 500 kilogram (kg) sehari menggunakan alat pencakar siput.

"Namun bagi pengunjung lain, mereka biasanya akan cari dalam 10 hingga 50kg sahaja untuk makan. Siput gayam biasanya dijual pada harga RM3 hingga RM5

sekilogram mengikut harga semasa," katanya.

Seorang lagi penduduk dari Pinang Tunggal, Iman Safiya Basri, 15, berkata, ia merupakan kali kedua dia datang ke Pulau Sayak bersama ahli keluarganya untuk mencari siput.

Katanya, pengalaman pertama mencari siput beberapa minggu lalu membuatkan mereka 'ketagih' untuk datang semula.